# KENYATAAN PERUNDING BIL. 4/2026

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

| NO. RUJUKAN | BUTIR-BUTIR PELAWAAN DAN HARGA DOKUMEN | KOD BIDANG | TARIKH TUTUP (12:00pm) | SYARAT UTAMA PELAWAAN |
|---|---|---|---|---|
| **2026/G014 (*ONLINE*)** | Perkhidmatan Profesional Kejuruteraan Awam Dan Struktur Untuk Projek Cadangan Menyiapkan Kerja Bagi Pembangunan Semula Pasar Raja Bot, Kuala Lumpur Di Atas Lot 1707, Sebahagian Tanah Kerajaan (Rezab Jalan Haji Hussein Dan Rezab Lorong Belakang Dan Sisi) Dan Lot 1221, Hingga 1231, Mukim Kuala Lumpur (2026/G014)<br><br>**Harga Dokumen RM400.00** | Berdaftar Dengan KKM :<br><br>330101 – Kejuruteraan Awam<br><br>dan<br><br>330102 – Kejuruteraan Struktur | **09 Julai 2026 (Khamis)** | 1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang ditetapkan dan tempoh pendaftaran masih sah.<br><br>2. Berdaftar dengan Lembaga Profesional Malaysia di bawah kod bidang masing-masing dan tempoh pendaftaran masih sah.<br><br>3. Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate – TCC*) hendaklah sah dan berstatus 'Patuh'.<br><br>4. Berdaftar dalam sistem e-perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan tempoh pendaftaran masih sah. |

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah **mendaftar** terlebih dahulu secara atas talian di laman sesawang **eperolehan.dbkl.gov.my.** Petender hendaklah memastikan **maklumat syarikat** lengkap diisi dan **sijil pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** beserta **Lampiran A** yang dimuatnaik di e-perolehan DBKL masih berkuatkuasa semasa permohonan dibuat.

2. Pendaftaran pembekal baharu perunding akan dikenakan caj sebanyak **RM100.00 setahun**. Pembelian dokumen tender boleh dibuat setelah pengesahan pendaftaran dan bayaran pendaftaran pembekal telah dijelaskan. **Bayaran pendaftaran pembekal baharu perunding** dan **penjualan dokumen tender** akan dijalankan secara **atas talian** sahaja.

3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah disediakan sebanyak **satu (1) salinan** setiap satu dan dimasukkan ke dalam **sampul surat berasingan** yang **berlakri** dan ditandakan **'Nama Projek Dan Cadangan Teknikal'** dan **'Nama Projek Dan Cadangan Kos'** di setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur.**

4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan** seperti alamat di atas tidak lewat dari **jam 12:00 tengah hari** pada tarikh tutup iklan. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

5. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.

6. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sistem eperolehan DBKL.

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**
**Tarikh Iklan : 25 Jun 2026**
**Laman Web : www.dbkl.gov.my**
**https://eperolehan.dbkl.gov.my/**